KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17.03.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan pasang perangkap jejak harimau dalam ladang

DUNGUN - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu memasang perangkap bagi menjejaki seekor harimau belang susulan aduan mengatakan haiwan berkenaan berada di sebuah ladang sawit di daerah itu.

Pengarah Perhilitan Terengganu, Loo Kean Seong berkata, siasatan telah dijalankan setelah pihaknya menerima aduan daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Hulu Paka berhubung kehadiran haiwan pemangsa itu di lokasi berkenaan pada Selasa.

"Kakitangan Perhilitan telah menyiasat aduan itu dan mendapati ia sahih. Pihak Perhilitan akan memasang perangkap hari ini (Rabu) bagi menjejaki haiwan terbabit," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Kean Seong berkata, tiada bukti menunjukkan harimau berkenaan adalah harimau sama yang cuba menyerang seorang penghantar makanan dalam kejadian di Taman Bersekutu dekat Kampung Paya Dusun di sini pada 9 Mac lalu.

Beliau sebaliknya meminta orang awam segera memaklumkan sebarang penemuan haiwan liar kepada pihak Perhilitan bagi memudahkan tindakan diambil.



Tangkap layar video tular memaparkan seekor harimau berada di sebuah ladang kelapa sawit di daerah Dungun.

Katanya, orang ramai diminta segera beredar dari kawasan terbabit sekiranya terserempak dengan sebarang haiwan liar.

"Jangan kacau, jangan mendekati dan melakukan sebarang provokasi atau duduk di kawasan itu dalam tempoh yang lama untuk merakam gambar.

"Cukuplah sekadar mengenal pasti kawasan dan segera maklumkan kepada pihak Perhilitan kerana kami akan mengambil tindakan lanjut," katanya.

Pada Selasa tular dua video berserta audio suara memaparkan seekor harimau belang yang dikatakan berada di sebuah ladang sawit dekat Ketengah Jaya di sini.

Video pertama berdurasi 30 saat yang dimuat naik pemilik akaun Tik Tok, Nur Zalia149 dipercayai diambil dari dalam kenderaan yang berhenti beberapa meter di hadapan seekor harimau belang berdekatan pokok kelapa sawit di kawasan itu.

Satu lagi video tular berdurasi 26 saat yang juga memaparkan seekor harimau duduk berdekatan pokok kelapa sawit namun dirakam daripada bahagian tepi harimau berkenaan, dimuat naik menerusi medium sama oleh pemilik akaun Kakilike777.

Berdasarkan rakaman itu, harimau tersebut dikatakan harimau sama dan ditemui di lokasi yang sama.